

SIARAN AKHBAR

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN KEDAH MENCEMAR DULI BERKENAN MENGUCAPKAN SELAMAT JALAN KEPADA JEMAAH HAJI NEGERI KEDAH KE TANAH SUCI MUSIM 1440H | 2019M

ALOR SETAR, Selasa, 9 Julai 2019: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah Darulaman dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Maliha binti Al-Marhum Tengku Ariff, Sultanah Kedah Darulaman berkenan mencemar duli berangkat hadir untuk mengucapkan selamat jalan kepada 150 orang bakal Jemaah Haji Negeri Kedah di Dewan Baiduri, **TH** Hotel & Convention Centre, Alor Setar hari ini.

Kumpulan ini dijadualkan berlepas menerusi penerbangan KT13K (MH8401) pada 9 Julai 2019 pukul 8.50 malam dari Alor Setar Ke KLIA. Mereka kemudiannya meneruskan penerbangan dari KLIA menerusi penerbangan KT13 (MH8112) pada 10 Julai 2019 pukul 5.30 pagi dan dijangka tiba di Madinah pada pukul 9.00 pagi (waktu Arab Saudi).

KDYMM Sultan Kedah dalam titah ucapan baginda mengucapkan tahniah dan menyeru semua bakal haji agar bersyukur kerana terpilih sebagai tetamu Allah SWT. Baginda berharap semua jemaah haji memberi sepenuh tumpuan dalam pelaksanaan ibadat haji.

KDYMM Sultan Kedah turut menasihati jemaah untuk menjaga kesihatan; menguatkan ketahanan mental dan fizikal serta sentiasa mematuhi peraturan serta undang-undang yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi dan **TH**. Baginda mendoakan kesejahteraan semua jemaah haji, agar dapat menunaikan ibadah haji dengan sempurna dan kembali ke tanah air dengan haji yang mabrur.

KDYMM Sultan Kedah kemudiannya bersalaman dan mengucapkan selamat jalan kepada bakal jemaah haji.

Penerbangan ke Tanah Suci Musim Haji 1440H/2019M Fasa 1 merangkumi 62 penerbangan yang bermula pada Khamis, 4 Julai 2019 dan akan berakhir pada Ahad, 4 Ogos 2019.

Majlis ini turut dihadiri oleh YTM Tunku Laksamana Kedah, YTM Tunku Temenggong Kedah, YTM Tunku Bendahara Kedah, YTM Toh Puan Bendahara Kedah, YAB Menteri Besar Kedah, Pengurusan Kanan **TH** serta wakil-wakil Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan.

-TAMAT-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. **TH** bertekad untuk menyediakan perkhidmatan haji yang cemerlang kepada jemaah Malaysia dan rekodnya yang konsisten ini telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model kepada pengurusan haji yang inovatif. **TH** mempunyai lebih daripada sembilan juta pendeposit dan 125 cawangan dengan hampir 10,000 *touch points*, di seluruh negara. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi *Tabung Haji Contact Centre* di talian 03-6207 1919.

Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

<p>MOHAMAD ZAKEE MOHD ZALUDIN Eksekutif, Pentadbiran Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 3241 Tel. Bimbit: 019 2333364 Faks: 03 2164 0436 Emel: zakee@lth.gov.my</p>	<p>HAMZIL MOHAMADAN Pengurus Kanan Penjenamaan Korporat Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2582 Tel. Bimbit: 012 3102101 Faks: 03 2164 0436 Emel: hamzil@lth.gov.my</p>
--	---